KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 18.02.22 | MUKA SURAT | : | 28 |
| JABATAN | : | TNB | | | |

## Unit TNB tawar insurans PV solar kediaman

**KUALA LUMPUR** - Anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd, TNBX Sdn Bhd (TNBX) menjalinkan kerjasama dengan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Bhd (Allianz General) dan Anora Agency untuk menawarkan insurans fotovolta (PV) solar kediaman, SuriaShield.

Dalam satu kenyataan bersama, ketiga-tiga pihak menyatakan SuriaShield - jenama yang dimiliki bersama oleh TNBX dan Anora - merupakan insurans PV solar kediaman mampu milik yang menawarkan perlindungan 360 darjah secara komprehensif, pembaikan dan pemulihan tanpa tunai, dan pampasan pendapatan atau simpanan ketika berlaku kerosakan sistem.

Di bawah perjanjian kerjasama tiga pihak yang ditandatangani semalam, Allianz General dan Anora akan membangunkan dan menaja jamin SuriaShield untuk TNBX, iaitu sebuah syarikat yang menawarkan penyelesaian dalam tenaga yang boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga bagi kediaman dan perniagaan.

Pengarah Urusan TNBX Nirinder Singh Johl berkata, kerjasama ini akan memacu tawaran nilai lebih baik untuk pemilik PV solar serta menyediakan perlindungan penuh untuk aset PV mereka.

"Dengan lebih ramai orang yang memilih tenaga elektrik solar, pasaran insurans solar akan berkembang. TNBX akan berusaha memperkenalkan penyelesaian baharu untuk menambah baik pengalaman pelanggan dan mempromosikan perkembangan tenaga yang boleh diperbaharui di Malaysia," tambahnya. - *Bernama*